

09 APR 2000

Mahathir-ekuin

DR MAHATHIR CADANG MALAYSIA ANJUR ACARA EKUIN PERINGKAT ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Malaysia perlu menganjurkan acara ekuin peringkat antarabangsa bagi menarik minat orang ramai kepada sukan itu serta mendapat banyak lagi penaja daripada pihak swasta, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata jika ia diadakan pada peringkat antarabangsa, banyak syarikat termasuk yang membuat barangan berkaitan dengan sukan itu akan memberi bantuan dan penajaan bagi menjayakannya.

"Kita kenalah bijak menadapatkan penaja kerana banyak lagi sukan lain yang bersaing untuk mendapatkan penajaan," kata Dr Mahathir selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Premier Cup Challenge di Bukit Kiara Equestrian and Country Resort di sini.

Perdana Menteri berkata Malaysia kini mempunyai beberapa penunggang kuda yang telah mengambil bahagian di peringkat antarabangsa dan terdapat juga ramai di kalangan golongan muda yang berbakat dalam sukan ini.

Beliau berkata acara ekuin akan disenaraikan sebagai satu acara pada Sukan Asia 2006 jika Malaysia berjaya menjadi tuan rumah.

Dr Mahathir menyampaikan hadiah kepada pemenang bahagian Showjumping Class 37 (E Grade Power and Speed).

Anggota pasukan ekuin negara Quzandria Nur Ambak mendapat tempat pertama dan rakan sepasukan Koperal Ruzailina Zainal Abidin memperolehi tempat kedua manakala tempat ketiga dimenangi Handry Mawengkang.

Pertandingan empat hari yang bermula 6 April itu menarik 100 peserta daripada kelab ekuin seluruh negara.

-- BERNAMA

gm mai